

PENCARIAN UNTUK KEPASTIAN

Cari & Kaji



oleh MAZLAN HAJI HASHIM

PENULIS seringkali mengikuti perkembangan Guru Massimiliano Moran-dini atau lebih dikenali dengan panggilan Guru Max Morandini dari Itali yang tanpa jemu menulis tentang sejarah perguruan beliau di dalam majalah SENI BELADIRI. Pertemuan kami berlaku semasa penganjuran Festival Kampung Melayu

SURU MASSIMILIANO MORANDINI
POKULAN PENTJAK SILAT SERA

12 SENI BELADIRI



pelbagai aliran Penca Sera disamping aliran-aliran lain seperti Cikalong, Sabandar dan Maenpo Peupeuhan. Semasa bersama mereka saya dapat mengetahui tentang sejarah dan teknikal berkaitan aliran Penca Sera yang ada ikatannya dengan Pencak Silat dalam budaya Melayu.

Memang terdapat sedikit perbezaan terutamanya di Jawa Barat dengan nama

pada 18 dan 19 Mac 2023 saya terutamanya di di Roermond, Belanda. Indonesia, saya

Pemulis bersama Guru Rob berkesempatan bertemu ketua

Brandt menjemput Guru Max Morandini di Fletcher Landhotel, Bosrijk, Roermond bersama anak-anak murid beliau dan dibawa ke pejabat Persekutuan Silat Melayu the Netherlands untuk sesi taklimat festival tersebut.

Sebagai seorang penyelidik, pengamal dan guru Pukulan Pentjak Silat Sera telah membawa Guru Max Morandini mengelilingi dunia untuk menemui pengamal-pengamal perguruan ini.

Beliau mencari asal usul dan penyatuan dari berbilang keluarga Penca Sera dan cuba memahami ketidaksamaan pergerakan yang dibawa sekarang di pusat-pusat latihan yang dilawati.

"Dalam pengembaraan





Penca Sera, Ulin Sera, Pusaka Sera dan Pancaseram," kata Guru Max Morandini.

Di Barat, terdapat Pukulan Pentjak Sera yang lebih kepada terma pukulan atau pertarungan. Ia lebih kepada tempur jalanan yang banyak digunakan oleh pengamal-pengamal Indonesia-Eropah sekitar tahun 1900 di Jawa.

Ia untuk menunjukkan keberkesanan permainan kombat dalam Pencak Sera dalam situasi pertarungan sebenar. Namun begitu dalam situasi begini, ia hilang budaya, adat dan hormat dalam aliran persilatan Sunda.

Melihatkannya sekarang di Indonesia ia tidak dikenali dengan pukulan seperti yang

berlaku sekitar tahun 1900 dahulu.

"Saya mula membuat kajian tentang bela diri lebih dari 43 tahun yang lalu. Saya menghadiri pelbagai majlis berkaitan dengan bela diri yang lebih kepada intipati warisan. Ia membawa saya bertemu dengan pelbagai etnik termasuk di sebahagian benua Asia dan Indonesia





amnya. Ia membawa minat mendalam terhadap latar belakang budaya, sosial dan agama yang meliputi berbagai aliran bela diri.

"Dalam penyelidikan, ia lebih kepada dialog dan pertukaran pikiran secara terbuka dengan pengamal-pengamal di Indonesia.

"Sesiapa yang menyatakan mereka adalah yang terbaik

atau membawa permainan yang asal sudah tentu mengikut sikap di Barat.

"Di Indonesia, perguruan Pencak Silat yang saya lawati, mereka menerima saya sebagai sebahagian daripada keluarga mereka. Saya amat berterima kasih kepada ketua-ketua daripada pelbagai cabang yang saya lawati," terang Guru Max

Morandini.

Terdapat sedikit penulisan tentang Pukulan Pentjak Silat Sera yang diperolehi di Barat menyatakan ia diasaskan oleh Bapak Sera sebagai watak utama di dalam perguruan ini. Beliau dari kaum Kenekes atau lebih dikenali dengan Orang Baduy/ Badui atau juga diklasifikasikan dengan



gelaran Telu Tangru, Baduy Jero atau Urang Kajeroan.

Ternyata kaum Kanekes percaya kepada agama Hindu-Buddha. Mungkin juga nama tersebut wujud dari Sungai Baduy dan gunung yang terletak di utara.

Kaum Kanekes oleh kerana agama dan adat resam mereka, mereka tinggal terpinggir dari dunia moden. Jadi ia agak sukar untuk mendapatkan sejarah sebenar kaum ini.

Ahli-ahli antropologi menyatakan kaum ini berasal dari sami Hindu dari Kerajaan Pajajaran yang melarikan diri ke hutan Tanah Jawa setelah dijejak oleh tentera Islam.

Tetapi, kaum Kanekes menemplak kenyataan tersebut dan menyatakan mereka berasal dari kaum Sunda. Mereka tinggal di Banten, terutamanya di



persekitaran Gunung atas pendirian individu. Kendeng.

Memandangkan kaum Kanekes tidak berhubungan dengan dunia luar, maka tiada bukti kukuh wujudnya sejarah bela diri di tempat mereka.

Namun begitu, bukti tentang asal Pencak Sera tidak diketahui walaupun selepas kematian pengasasnya.

Ada dari kalangan guru menyatakan tiada bela diri yang melibatkan kaum Kanekes. Ia bukan dari kajian lapangan tetapi

Soalannya masih terbuka. Terdapat teori yang menyatakan pengasasnya



16 SENI BELADIRI





ialah Eyang Hisak atau Illeah Haboen Hasin.

Walaupun ada keraguannya tetapi ia bukan perkara penting dibuat kajian secara praktikal. Yang penting, penerus generasi Penca Sera akan mengingatinya dengan penuh hormat sebagai Bapak Sera.

Bapak Sera yang sebenar mempelajari pelbagai silat antaranya Penca Cimande, Penca Cikalong, Silek Minangkabau, Penca Kari, Penca Madi dan Penca Sabandar. Terdapat daripada beberapa sumber, beliau belajar Kuntao Cina di abad

kesembilan, perguruan ini mempengaruhi banyak aliran Pencak Silat Jawa. Malah Pencak Jawa Barat gaya mereka seperti Pukulan Pentjak Silat Sera, ia lebih kepada menutup di bahagian tengah disamping membuat pukulan di bahagian tengah pihak lawan. Itu adalah strategi dari aliran bela diri dari China.

"Hasil dari penyelidikan saya, terdapat 600 perguruan silat di Indonesia. Ia mudah untuk dikenali melalui pengamal-pengamal dan guru-guru yang mengembangkannya.

"Kajian saya tentang

Pukulan Pentjak Silat Sera di sebelah Barat dan Timur memang terdapat perbezaannya. Saya melihat sendiri perbezaan dalam sistem latihan bergantung kepada guru yang mengajar.

"Namun begitu terdapat juga mereka yang membawa keaslian Penca Sera yang bersangkutan dengan aliran Cikalong, Cimande, Sabandar dan lain-lain lagi," beritahu Guru Max Morandini.

Perbezaan di dalam perguruan ini adalah jurusnya dengan jumlahnya bertambah dari 12 kepada 42 di sekolah latihan ke sekolah latihan yang lain. Terdapat 18 jurus di sekolah latihan Pukulan Pentjak Silat Sera Itali dari cabang salasilah de Vries/ de Thouars dan juga di bahagian barat.

Jurus-jurus di sekolah-sekolah latihan yang Guru Max Morandini lawati, dibandingkan dengan Pukulan Pentjak Silat Sera terdapat persamaan di dalam

intipatinya tetapi berbeza dalam pergerakan dan struktur utama. Beliau dapati latihan jurus lebih kepada kekuatan tenaga dan putaran anggota badan.

Ia lebih cenderung kepada tindakan agresif dan pendekatan invasif dalam pergerakan. Ia lebih jelas dalam gabungan jurus dan langkah yang terdapat persamaan di sekolah-sekolah latihan dan perguruan milik beliau.

"Dalam latihan Pukulan Pentjak Silat Sera dari segi logik untuk latihan adalah dari latihan efektif. Ia lebih kepada penekanan di bahagian bawah, tetapi pergerakannya tinggi.

Sesi latihan adalah faktor penting bagaimana ia digunakan untuk bertempur.

Gambaran dari latihan sebegini membantu dari segi kekuatan fizikal dan mental kepada pengamal-pengamal.



Ia juga merupakan faktor penting dalam latihan untuk menghadap pihak lawan. Terdapat juga pengamal-

pengamal yang berlatih dengan latihan satu hala yang melupakan teknik-teknik dalam latihan ketika berhadapan dengan situasi sebenar yang membuatkan saya rasa terkejut," ujar Guru Max Morandini.

Pukulan Pentjak Silat Sera Itali perkembangannya amat memberangsangkan di Eropah dengan jumlah keahliannya yang ramai.

Yang penting ahli-ahlinya gemar membuat penyelidikan bagaimana perkembangannya diterima masyarakat. Tidak lupa juga setiap kelas latihan yang





diadakan dimulai dan diakhiri dengan doa kepada yang Maha Esa.

Kelas latihan lebih kepada suasana penghormatan, utamanya kepada guru-guru yang telah pergi dengan ilmu mereka dipegang sehingga ke hari ini. Tradisi ini diteruskan untuk kesinambungan kepada pelapis-pelapis yang akan datang.

Pukulan Pentjak Silat Sera telah mencipta identiti sendiri, tidak mengikut rentak Silat Cimande atau Cikalong di mana ia diasaskan.

Secara teknikalnya silibus dalam perguruan ini mudah tetapi tidak bermakna ia terlalu mudah. Apa yang penting, kedudukan kudakudanya mesti dalam keadaan rendah, tubuh badan dapat berasa selesa dan tenang.

Kurikulum di dalam perguruan ini merangkumi enam langkah iaitu Langkah

Jalur, Langkah Tiga, Langkah Siliwa, Langkah Sekurum, Langkah Lima dan Langkah Lingkaran. Terdapat juga Langkah Pancer yang mewakili kesemua langkah tersebut. Terdapat 18 Jurus termasuk Sambut. Permainan efektif senjata-senjata pendek dan panjang turut diterapkan termasuk Jurus Sepak untuk tendangan.

"Saya telah menerbitkan

sebuah buku dalam tiga bahasa, Pendalaman Pencak Silat dalam bahasa Indonesia, Journey Through Pencak Silat dalam Bahasa Inggeris dan Viaggio nel Pencak Silat dalam Bahasa Itali pada 2023. Beberapa siri buku lagi akan diterbitkan dan diangkat untuk pengetahuan umum.

"Di dalamnya turut diterangkan bagaimana pentingnya Pukulan Pentjak Silat Sera dari segi aspek dalam pertempuran.

"Tiga perkara penting yang melibatkan masa ialah Waktu Ke Depan (Advance Timing), Pertemuan Waktu (Encounter Timing) dan Waktu Mundur (Delay Timing). Seperti dalam kehidupan: Past, Present, Future (dahulu, kini dan esok)," ujar Guru Max Morandini.

